

Headline **UPM sasar 30 ikuti sarjana, PhD bahasa Arab**
 Date **12. Jan 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Berita Harian** Page No **27**
 Section **Pendidikan** Article Size **147** cm2
 Circulation **217991** Frequency **Daily**
 Readership **762968** Color **Full Color**




UPM sasar 30 ikuti sarjana, PhD bahasa Arab

Oleh Khairina Yasin

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mensasarkan kemasukan 30 pelajar baru mengikuti program sarjana serta doktor falsafah (PhD) dalam bidang bahasa dan linguistik Arab setiap tahun bagi melahirkan lebih ramai graduan berijazah tinggi dalam bahasa berkenaan.

Penyelaras Program Bahasa Arab, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Dr Muhammad Fauzi Jumingan, berkata program mula ditawarkan Julai tahun lalu itu terbuka kepada go-



longan bekerja khususnya pensyarah universiti, kakitangan awam dan swasta yang berminat.

Katanya, pelajar program berkenaan didedahkan perkembangan terkini teori dan aplikasi kajian bahasa serta linguistik bahasa Arab, sekaligus menjadikan mereka pakar dalam bidang berkenaan.

"Antara syarat kelayakan kemasukan program sarjana ialah calon perlu memiliki ijazah dalam bidang berkaitan dengan lulus purata nilai gred kumulatif (PNGK) 2.75 ke atas.

"Calon tidak memiliki kelayakan major atau minor dalam bahasa dan kesusasteraan Arab tetapi memperoleh

sekurang-kurangnya PNGK 3.00 boleh dipertimbangkan secara bersyarat.

"Bagaimanapun, mereka perlu lulus tiga subjek kursus persediaan dalam bahasa Arab dengan pencapaian gred B pada semester pertama," katanya kepada *Berita Harian*.

Muhammad Fauzi berkata, syarat kemasukan program PhD pula memerlukan calon berkelulusan sarjana dalam bidang berkenaan selain pencapaian PNGK 3.00 bagi mereka memperoleh sarjana dengan tesis dan PNGK 3.20 (tanpa tesis).

Beliau berkata, program berkenaan dijalankan secara sepenuh masa.